

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 NOVEMBER 2016

Perjanjian dagangan di China bukan bererti jual Malaysia

BH - 5/11/2016

➔ PM selar pihak cuba takutkan rakyat projek lebih RM140b

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyelar pihak yang menyebarkan cerita untuk menakutkan rakyat negara ini kononnya Malaysia sedang dijual melalui pelbagai perjanjian perniagaan bernilai lebih RM140 bilion yang ditandatangani dengan China dalam lawatan seminggu beliau ke negara itu.

Perdana Menteri berkata, dakwaan demikian adalah tidak benar sama sekali.

“Nampaknya ada sesetengah pihak yang kelihatan tidak menyambut baik pelaburan ke dalam ekonomi Malaysia ini dan nampaknya tidak mahukan hasilnya yang membawa pekerjaan, kemahiran dan penambahbaikan terhadap kehidupan rakyat.

“Ada yang menyebarkan cerita untuk menakutkan kononnya Malaysia sedang dijual. Ini tidak masuk akal dan adalah palsu sama sekali,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Najib berkata, lawatan rasmi beliau ke China, iaitu gergasi ekonomi membuka laluan kepada termeterainya 14 memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian antara perniagaan dengan perniagaan bernilai RM143.64 bilion, di samping 16 MoU dan perjanjian antara kerajaan dengan kerajaan.

Beliau berkata, ia adalah suatu undi kepercayaan yang besar ter-

hadap ekonomi satu sama lain serta hubungan muhibah dan kepercayaan yang dibina antara China dan Malaysia.

Jadi milik Malaysia

Najib menegaskan bahawa projek infrastruktur yang terkandung dalam perjanjian berkenaan akan terus menjadi milik Malaysia dan dikendalikan rakyat Malaysia sendiri.

“Bagaimanapun, demi manfaat bersama, kita membinanya secara kerjasama dengan rakan kita dari China, sama seperti firma Malaysia mengadakan usaha sama dalam melaksanakan projek termaju di seluruh China,” kata Perdana Menteri.

Najib berkata, perjanjian berkenaan akan menyemarakkan lagi ekonomi Malaysia dan membantu seluruh rakyat negara ini untuk mendapatkan peluang lebih baik

serta menikmati kehidupan lebih makmur.

“Semua perjanjian ini sebenarnya adalah untuk seluruh rakyat kita. Ia sama seperti beribu-ribu penternak burung layang-layang dan setengah juta pekebun kecil sawit kerana ia diusahakan untuk syarikat terkenal,” kata Najib.

Beliau menegaskan bahawa perjanjian berkenaan akan mengukuhkan lagi hubungan ekonomi Malaysia-China dan memberi manfaat ketara kepada rakyat untuk beberapa dekad akan datang.

Perjanjian yang ditandatangani itu akan memberi manfaat besar dan berkekalan kepada Malaysia, kata beliau, dan mengambil contoh projek Landasan Kereta Api Pantai Timur, yang akan membawa transformasi sepenuhnya kepada pantai timur Semenanjung.

Najib berkata, semua perjanjian

yang ditandatangani itu akan memastikan hasil pembangunan negara dikongsi secara sama rata, dengan kereta api berkenaan bertindak sebagai landasan bagi koridor baharu pertumbuhan bagi Malaysia.

Beliau juga menyentuh mengenai Saluran Paip Gas Trans Sabah yang akan memberi jaminan tenaga dan merencanakan lagi pembangunan ekonomi di negeri itu demi kebaikan rakyatnya.

“Pembaharuan perjanjian kerjasama pertahanan kita, disertai perjanjian pertahanan besar-besaran pertama antara kedua-dua negara, dengan pembinaan empat kapal misi pesisir, akan meningkatkan lagi hubungan keselamatan antara kedua-dua negara.

“Kita perlu berganding bahu untuk menentang ancaman keselamatan dan golongan pelampau di rantau kita,” kata Najib. **BERNAMA**